

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 24 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13534
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh KEMAS untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di luar bandar terutamanya dalam memberikan akses yang lebih baik kepada pendidikan prasekolah bagi keluarga berpendapatan rendah.
2. PN-1541-L13771
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perincian terkini berkenaan dengan pelan tindakan, strategi atau usaha konkrit Kerajaan untuk menyokong pembangunan tenaga solar, angin dan hidro dalam negara beralih kepada tenaga boleh diperbaharui.
3. PN-1541-L13226
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang akan dimainkan oleh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan juga sebagai rakan negara BRICS dalam mendepani cabaran ekonomi global dengan mengambil kira ancaman ekonomi yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Presiden Donald Trump.
4. PN-1541-L13707
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan pra sekolah di kawasan pedalaman perkampungan Orang Asli.

5. PN-1541-L13570
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kajian terperinci mengenai impak jangka panjang terhadap industri susulan pengumuman kenaikan kadar tarif elektrik dan jaminan bahawa harga perkhidmatan barangan yang dikeluarkan tidak akan membebankan 85 peratus isi rumah.
6. PN-1541-L13313
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk meningkatkan bajet pertahanan atau mempercepatkan pemodenan ketenteraan dalam menghadapi ancaman yang tidak dijangka .
7. PN-1541-L13529
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
 - (a) apakah persiapan dan pelan hala tuju Kementerian sebagai tuan rumah sukan SEA 2027 dan adakah persiapan sukan SEA ini telah mengambil kira langkah jangka panjang untuk persiapan atlet negara pada sukan Komenwel, Asia dan Olimpik yang akan datang; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian telah mempertimbangkan persiapan dan perbelanjaan atlet dengan memberi tumpuan hanya kepada mereka yang benar-benar layak dan berprestasi tinggi, bagi memastikan peruntukan digunakan secara optimum serta mengelakkan pembaziran wang rakyat.
8. PN-1541-L13675
Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) jangkitan HIV baru di Malaysia di mana 90% adalah lelaki dan kumpulan umur tertinggi adalah dalam lingkungan 20-an. Apakah pecahan dari segi etnik dan negeri; dan
 - (b) apakah strategi terkini bahagian Kesihatan Awam untuk mengawal penularan kes HIV dalam kalangan lelaki ini.
9. PN-1541-L13546
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan faktor peningkatan dan usaha yang dilaksanakan Kementerian berikutan nilai perdagangan Malaysia meningkat 9.2 peratus kepada rekod tertinggi RM 2.879 trilion pada akhir 2024, melepasi paras RM 2 trilion selama empat tahun berturut-turut.

10. PN-1541-L13766

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA, termasuk penyediaan akses CCTV secara langsung kepada ibu bapa, pengawalan kos TASKA yang tinggi, serta peningkatan pemantauan bagi mencegah kes penderaan kanak-kanak.

11. PN-1541-L13368

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah perang persepsi dan anasir-anasir anti-Kerajaan, dan apakah keberkesanannya setakat ini.

12. PN-1541-L13832

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak ke atas ekonomi Malaysia akibat polisi protektif Amerika Syarikat terutamanya dalam bentuk peningkatan tarif dan langkah-langkah yang diambil untuk meminimumkan impak tersebut.

13. PN-1541-L13653

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik terkini berkenaan dengan kemiskinan kanak-kanak (child poverty) di Malaysia dan apakah inisiatif Kerajaan untuk memastikan kanak-kanak yang miskin mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan penjagaan kesihatan.

14. PN-1541-L13481

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha-usaha dan program yang telah dan akan disusun atur oleh Kementerian untuk meningkatkan tahap semangat perpaduan dalam kalangan belia dan orang muda di Malaysia, memandangkan golongan ini sangat mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang dipaparkan di media sosial.

15. PN-1541-L13136
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan satu polisi di peringkat Persekutuan berkaitan pelekat OKU berdaftar agar pihak berkuasa tempatan keseluruhannya dapat mengenal pasti keabsahan pemilik adalah seorang individu OKU kerana pelekat yang ada di pasaran hari ini boleh disalahgunakan oleh orang awam bagi kegunaan petak parkir khas OKU.
16. PN-1541-L13824
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan membuat kajian untuk menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin untuk menggantikan sistem sedia ada kepada sebuah ekosistem rantai bekalan blok rantai dan sistem aliran ekonomi yang berpaksi AI seperti yang dilakukan oleh negara pesaing seperti Brazil dan Indonesia untuk mengoptimumkan penggunaan tanah yang subur.
17. PN-1541-L13810
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek Program Perumahan Rakyat dan bilangan rumah yang telah disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.
18. PN-1541-L13641
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti dan berpendapatan tinggi diwujudkan bagi rakyat tempatan khususnya dalam sektor teknologi dan kejuruteraan.
19. PN-1541-L13470
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana pusat data (data centres) dapat menjadi pemangkin (catalyst) pertumbuhan ekonomi masa depan kepada Malaysia.
20. PN-1541-L13890
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah untuk memugar kubur tokoh-tokoh seperti Sutan Puasa Lubis (pembuka Kuala Lumpur), Raja Alang bin Raja Beralun (pembuka Bandar Kajang) dan Nakhoda Yusuf, yang disemadikan di tanah perkuburan Jalan Ampang sebagai salah satu warisan sejarah negara.

21. PN-1541-L13250

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk memantau harga makanan yang dijual bagi mengatasi isu harga yang tidak masuk akal atau tinggi oleh sesetengah peniaga.

22. PN-1541-L13196

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeksport tenaga boleh diperbaharui seperti hidro elektrik ke negara-negara tetangga di Asia Tenggara.

23. PN-1541-L13604

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kemudahan pengangkutan awam di Malaysia dapat disesuaikan dengan keperluan individu yang mengalami gangguan spektrum autisme.

24. PN-1541-L13768

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pencapaian terkini negara dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi (economic diversification) dan mengurangkan kebergantungan pada petroleum serta gas dan bagaimana Kementerian mengukur kejayaan dalam usaha tersebut.

25. PN-1541-L13770

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes penceraian mengikut kaum pada tahun 2024 dan adakah ia meningkat berbanding dengan tempoh lima tahun yang berterusan serta apakah punca-punca yang menyumbang kepada berlakunya penceraian tersebut.

26. PN-1541-L13862

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah bersepadu yang diambil Kerajaan dalam menangani isu gelandangan di ibu negara bagi menjaga imej negara bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

27. PN-1541-L13214
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program terdahulu di bawah Program Azam Bandar (2013) yang kini dijenamakan semula sebagai Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB).
28. PN-1541-L13624
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengetatkan keselamatan dalam pusat membeli belah susulan negara dikejutkan dengan kejadian tembakan dalam salah satu pusat membeli belah pada bulan lalu.
29. PN-1541-L13400
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan pemberian Baucar Buku MADANI kepada para guru dan bagaimanakah Kementerian dapat memastikan inisiatif ini berupaya membudayakan pemerkasaan masyarakat membaca di kawasan pedalaman.
30. PN-1541-L13432
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan resolusi dan langkah strategik Kerajaan setelah mempengerusikan Sesi Pemukiman Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN (AMM Retreat) pada Januari lalu yang terkait dengan isu serantau dan geopolitik khususnya melibatkan nasib penduduk Palestin yang semakin tertindas di tanah air sendiri.
31. PN-1541-L13689
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah kriteria sesebuah sekolah untuk melaksanakan program DLP; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian untuk mencapai peningkatan minat pelajar terhadap program STEM terutamanya di luar bandar.

32. PN-1541-L13882
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah untuk memastikan komponen penghayatan bahasa, sastera dan seni budaya dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dilaksanakan dalam PLKN 1.0 terus dilaksanakan dalam PLKN edisi kini untuk memastikan keseimbangan warganegara muda dalam pembinaan watak atau karakter.
33. PN-1541-L13241
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian kepada isu mencampur beras tempatan dan beras import untuk dijual sebagai beras import sehingga menyebabkan beras tempatan hilang dari pasaran.
34. PN-1541-L13757
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang akan diberikan peruntukan untuk menyediakan kelas prasekolah pada tahun 2025 serta justifikasi Kerajaan dalam menentukan sekolah mana yang layak menerima peruntukan ini. Bagaimanakah Kerajaan memastikan penyertaan pelajar India dalam pendidikan awal tidak ketinggalan berbanding kaum lain.
35. PN-1541-L13356
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan *Way Forward* dalam isu Pulau Batu Puteh pasca pembentangan laporan RCI tempoh hari.
36. PN-1541-L13742
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah kuota pengeluaran minyak paket bersubsidi memandangkan banyak aduan mengatakan minyak paket bersubsidi masih kurang di pasaran dan adakah ketirisan masih menjadi punca kekurangan minyak paket bersubsidi di pasaran.
37. PN-1541-L13734
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan insentif awal yang akan dimasukkan dalam Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) untuk meningkatkan penyertaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME).

38. PN-1541-L13850

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan akan mengeluarkan garis panduan khusus bagi pelajar yang diklasifikasikan sebagai *politically exposed person* (PEP) semasa pembukaan akaun bank RHB sewaktu pendaftaran di IPTA; dan
- (b) Jika tidak, apakah langkah yang boleh diambil untuk memudahkan proses pembukaan akaun oleh pihak bank dan penghasilan kad matrik oleh universiti.

39. PN-1541-L13380

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk membantu ujian diagnostik atau rawatan tertentu bagi mengimbangi kekurangan jumlah profesional perubatan dalam bidang tertentu.

40. PN-1541-L13125

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Malaysia supaya dikagumi sebagai sebuah negara perunding yang efektif untuk mencari jalan penyelesaian konflik dirantau ini seperti negara Qatar.

41. PN-1541-L13419

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah perancangan pihak Kementerian dalam menekankan penerapan nilai-nilai perpaduan dalam silibus pendidikan baharu yang akan digunakan mulai tahun 2027.

42. PN-1541-L13842

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam menetapkan harga siling bagi tempat letak kereta di ibu kota Kuala Lumpur dan berapakah harga siling yang wajar diletakkan supaya tiada pihak yang mengambil kesempatan dengan meletakkan harga yang tinggi bagi *per-entry*.

43. PN-1541-L13450

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan dan strategi holistik untuk meningkatkan penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian moden dan agromakanan melalui geran padanan yang sedia ada.

44. PN-1541-L13713

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah peserta, anggaran keluasan tanah, prospek tanaman serta inisiatif meningkatkan penyertaan di Sabah yang kini 16.2% daripada 2,536 golongan sasaran, susulan kejayaan IPR-INTAN di Kg. Gana, Kota Marudu, Tambunan, dan Kudat.

45. PN-1541-L13601

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah terkini liputan rangkaian 5G dan tapak pemancar yang siap dibina pada Januari 2025.

46. PN-1541-L13516

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam membantu meningkatkan keupayaan Kerajaan negeri Kedah bagi menangani bencana banjir, khususnya di kawasan yang sering dilanda musibah termasuk daripada segi sumber kewangan, aset dan koordinasi agensi terlibat.

47. PN-1541-L13893

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah pemerkasaan peranan Akademi Sains Malaysia dapat memacu transformasi ekosistem sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) di negara ini, serta sejauh manakah Kementerian dapat memastikan cadangan daripada kajian landskap STIE Malaysia dipertimbangkan dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan.

48. PN-1541-L13298

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah pembatalan lesen agensi pelancongan yang melibatkan penipuan pakej pelancongan termasuk pakej umrah serta langkah-langkah yang diambil oleh MOTAC untuk memastikan bahawa pelanggan yang terkesan akibat pembatalan lesen agensi pelancongan diberikan penyelesaian yang adil daripada segi pemulihan kewangan dan pampasan.

49. PN-1541-L13270

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah projek perumahan yang tertunda atau gagal dibangunkan akibat masalah pemaju dan apakah mekanisme untuk melindungi hak pembeli rumah serta apakah tindakan Kementerian dalam memastikan pemaju tidak mengabaikan kualiti serta keselamatan rumah yang dibina.

50. PN-1541-L13184
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha bagi membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan padi sekaligus bagi mengatasi masalah Tahap Sara Diri (SSL) beras di Sabah yang masih berada pada tahap kritikal.
51. PN-1541-L13613
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah perancangan untuk memasang titik pengecas EV di setiap daerah selari dengan jumlah pengguna semasa dan bagaimana Kementerian memastikan keberkesanan pelaksanaannya.
52. PN-1541-L13204
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah punca utama peningkatan kadar kematian yang agak tinggi dalam kalangan golongan muda pada tahun 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya; dan
 - (b) bilakah sebuah Klinik Desa dapat disediakan di Data Kakus, memandangkan kawasan tersebut mempunyai lebih 3,000 penduduk dan tapak telah ditawarkan oleh penduduk.
53. PN-1541-L13156
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini bagi usaha pemisahan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Apakah garis masa untuk melaksanakan reformasi institusi ini.
54. PN-1541-L13258
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan hasil yang diperoleh atau dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari negeri Sabah bagi tahun 2024 termasuk cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, kastam, 5% bayaran tunai dari PETRONAS termasuk syarikat dan agensi yang beroperasi di Sabah tetapi membuat pembayaran di negeri-negeri Semenanjung dan Sarawak.

55. PN-1541-L13773

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan dengan kes-kes kemurungan, kebimbangan dan bunuh diri dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat dan adakah Kementerian memandang serius akan perkara ini serta adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewajibkan perkhidmatan kaunseling kesihatan mental di semua institusi pendidikan.

56. PN-1541-L13423

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi isu kenaikan harga dedak ternakan yang membebankan penternak.

57. PN-1541-L13333

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menambah bilangan Sekolah Pendidikan Khas, memandangkan sekolah-sekolah PPKI yang sedia ada masih terhad, terutama di luar bandar. Kekurangan ini menyebabkan ibu bapa sukar menghantar anak mereka ke sekolah khas kerana jarak yang jauh dan faktor usia anak yang masih kecil.

58. PN-1541-L13492

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah beralih daripada penghasilan getah sekerap ke penghasilan susu getah (lateks) bagi meningkatkan pendapatan mereka.

59. PN-1541-L13507

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan Rang Undang-undang Ombudsman bagi menangani aduan rakyat terhadap agensi Kerajaan secara lebih cekap dan adil.

60. PN-1541-L13176

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status semasa pembangunan Hospital Universiti Malaysia Sabah (UMS), memandangkan keperluan terhadapnya semakin meningkat.

61. PN-1541-L13290

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme dan perancangan strategik pelaburan yang digunakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menilai dan membuat keputusan mengenai penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada harga yang rendah dan membeli pada harga yang tinggi serta pemantauan keputusan tersebut agar tidak merugikan pencarum KWSP.

62. PN-1541-L13119

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa projek kerjasama Baladna dengan Kerajaan Qatar masih belum menemui jalan penyelesaian, sedangkan pelaburan ini berpotensi meningkatkan pendapatan negara serta memperkukuh imej Malaysia.

63. PN-1541-L13348

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk membentangkan Rang Undang-undang Pendanaan Politik sebelum berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-16.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2024) 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Menteri Kewangan]

2. (D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Menteri Kewangan]

3. (D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba
(Pindaan) 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan]**

4. (D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan,
Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Menteri Ekonomi]

5. (D.R. 9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan
Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Perdana Menteri]